

# ANOTASI KITAB KAEDAH FEQAH [QAEDAH FIQH;QF] EMPAT MAZHAB; KAJIAN SOROTAN AWAL

Ahmad Misbah Bin Mohamad Hilmi  
Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor.  
E-mel:ahmadmisbah@kuis.edu.my

## Abstrak

*Kewujudan himpunan koleksi kitab-kitab Kaedah Feqah [KF] adalah bukti keserjanaan ulama silam dalam berfikir hingga mampu menganalisis, berfikir secara objektif, proaktif dan adil. Ia adalah ilmu yang sangat penting dalam sejarah dan seiring dengan perkembangan hukum Islam. Tulisan ini bertujuan memperjelaskan perkembangan Kaedah Feqah dengan menyoroti kitab-kitab dan tokoh-tokoh ulama dalam empat mazhab-mazhab feqah yang muhtabar. Perbezaan dalam qaedah memberi kesan dalam keputusan sesuatu isu feqah. Amat penting tahu bagaimana para ulama feqah dalam menyusun kaedah-kaedah feqah yang sangat berguna.*

**Kata Kunci:** Anotasi, Qaedah fiqhiyyah.

## 1. Pengenalan

Penelitian terhadap *Qaedah Fiqhiyyah* ini sangat penting dalam kajian perkembangan fiqh, terutama ketika menghadapi begitu banyaknya pendapat-pendapat ahli feqah yang termuat dalam berbagai kitab, kemudian ia juga sangat berguna dalam merespon bermacam peristiwa yang memerlukan jawapan tentang ketentuan hukumnya dan dapat membantu untuk menghadapi *khilafiyah* ditengah masyarakat yang berakar dari perbezaan pendapat *fiqhiyyah*. Ayat-ayat hukum dalam al-Quran tidak banyak berbanding jumlah keseluruhan ayatnya. Begitu juga untuk menjawab persolan isu-isu semasa. Namun secara asas Allah s.w.t swt. telah menyatakan bahawa setiap isu-isu itu terdapat dalam al-Quran. Firman Allah s.w.t swt. dalam al-An'am:38 ;

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَلُكُمْ مَا فَرَطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ

Bermaksud; ‘Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan umat (juga) seperti kamu. Tiadalah Kami alpakan sesuatupun dalam Al-Kitab<sup>1</sup>, kemudian kepada Tuhanlah mereka dihimpunkan’

Manakala sunnah Nabi s.a.w pula menjadi penjelas kepada ayat-ayat Allah s.w.t yang universal itu. Lantaran itu kedudukan hadis dalam hukum turut diberi tempat yang tinggi dan ini memberi kesan dalam perkembangan hukum. Allah s.w.t berfirman dalam al-Imran :32;

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ ۚ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ

<sup>1</sup> Lihat dalam tafsir Ibnu Kathir; al- an'am ayat -38, Maksudnya, semuanya ada berdasarkan pengetahuan dari Allah, tiada sesuatu pun dari semuanya yang dilupakan oleh Allah mengenai rezeki dan pengaturannya, baik sebagai haiwan darat ataupun haiwan laut. Perihalnya sama dengan apa yang disebutkan oleh Allah dalam ayat lain yang ertinya: “Dan tidak ada suatu binatang melata pun di bumi melainkan Allahlah yang memberi rezekinya, dan Dia mengetahui tempat berdiam binatang itu dan tempat penyimpanannya. Semuanya tertulis dalam Kitab yang nyata (Lauh Mahfuz).” (Hud: 6) Yakni tertulis nama-namanya, bilangannya, serta tempat-tempatnya, dan semua gerakan serta diamnya terliputi semuanya dalam tulisan itu.

*Katakanlah: "Taatilah Allah dan Rasul-Nya; jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang kafir"*

Nabi s.a.w telah berperanan sangat baik bagi menyampaikan amanah Allah s.w.t, Namun terdapat persolan yang tidak di rincikan dalam al-Quran dan Sunnah maka ia menjadi ruang berijtihad yang di benar syariat, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Muaz bin Jabal;

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ، فَقَالَ: «كَيْفَ تَقْضِي؟»، فَقَالَ: أَقْضِي بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ، قَالَ: «فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي كِتَابِ اللَّهِ؟»، قَالَ: فَبِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟»، قَالَ: أَجْتَهُدُ رَأْيِي، قَالَ: «الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ رَسُولِ اللَّهِ».

*Nabi mengutus Muaz ke Yaman. Maka Nabi bertanya kepadanya: Bagaimana kamu akan memutuskan hukum apabila dibawa kepada kamu sesuatu permasalahan?" Muaz menjawab: "Saya akan memutuskan hukum berdasarkan kitab Allah" Nabi bertanya lagi: "Sekiranya kamu tidak mendapati didalam kitab Allah?" Jawab Muaz: "Saya akan memutuskan berdasarkan Sunnah." Tanya Nabi lagi: "Sekiranya kamu tidak menemui di dalam Sunnah?" Muaz menjawab, ' Saya akan berijtihad dengan pandanganku. Nabi pun bersabda: "Segala puji bagi Allah yang telah member taufiq kepada utusan Rasulullah."*

## Tujuan Kajian

Makalah ini di tulis untuk mencapai tujuan kajian berikut;

- 1- Untuk menyoroti perkembangan ilmu *Qaedah fiqhiyyah*.
- 2- Menyoroti kitab-kitab dan tokoh ulama feqah empat mazhab dalam *Qaedah fiqhiyyah*.

## Kelebihan Kaedah Feqah

Banyak faedah dari ilmu ini antaranya ;

- i. Mengetahui metode para imam dalam menyusun kaedah-kaedah ini, kemudian mampu menjelaskan kesepakatan dan perbezaan pendapat mereka mengenai *Qaedah fiqhiyyah*.
- ii. Mampu menyusun *Qaedah fiqhiyyah* berdasarkan dasar-dasar, unsur-unsur, dan patron [pola] ilmiah yang wajib dikuasai oleh seorang faqih. Untuk mencapai keupayaan ijtihad perlu berdayagunakan kaedah-kaedah ini dengan menerapkannya [tathbîqihâ] terhadap *furû'*.
- iii. Mampu melakukan *istinbath* hukum.

<sup>2</sup> Ahmad Bin Hanbal, *Musnah ahmad Bin Hanbal*.1991. Beirut; Dar al-fikr. Juz.8. hlm.233.

Lihat Syamsul Haq. *Syarh 'aun al-Ma'bud*, 1995. *Bab al-Ijtihad al-Ra'yi fi al-Qadha*. No. Hadis 3592. Dar al-Fikr. Hlm 402. Tarjih hadis ini ada khilaf dikalangan ulama hadis dan fiqah, antaranya; Ulama yang mendaifkan seperti Al-Termizi: "Sanadnya tidak bersambung.", Al-Bukhari dalam *al-Tarikh al-Kabir*: "Tidak sah. Ianya mursal.", Al-Daraqutni dalam *al-'Ilal*: "Mursal lebih tepat." Dan Ibnu al-Mulaqqin dalam *al-Badr al-Munir*: "Hadis yang berulang kali disebutkan dalam kitab para fuqaha', ulama usul dan para *muhaddithin*. Dan Ulama yang **mensahihkan** seperti Ibnu Taimiyyah dalam *Majmu' al-Fatawa*: "Sanadnya baik (jayyid).", Ibnu Qayyim dalam *I'lam al-Muwaqqi'in*, Imam al-Haramain dalam *al-Burhan*, Ibnu al-'Arabi dalam *'Aridhah al-Ahwazi* dan Al-Khatib al-Baghdadi dalam *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*: "Sesungguhnya ahli ilmu telah menerima dan berhujah dengannya. Cukup bagi kami untuk menunjukkan kesahihannya di sisi mereka."

## 2. Sejarah Pertumbuhan dan Pentadwinan Kaedah-Kaedah Feqah[*Qawa'id Fiqhiyyah* ]

Sejarah perkemabangan hukum Islam [*Tarikh Al-Tasyri' Al-Islami*] tidak menguraikan *Qawa'id Fiqhiyyah* [*QF*] secara komperhensif [menyeluruh]. Untuk itu di sini penulis sedikit banyak akan menerangkan mengenai sejarah *QF* yang mencakup sejarah pertumbuhan dan perkembangan serta pembentukan *QF* sangat penting dilakukan. Masa pertumbuhan dan pembentukan berlangsung selama tiga abad lebih. Dari zaman kerasulan hingga abad ke-3 hijrah. Penelitian tersebut dari segi fase sejarah hukum islam, dapat dibagi menjadi tiga zaman iaitu;

### 2.1 Masa pertumbuhan.

#### 2.1.1 Zaman Nabi Muhammad saw

Ia berlangsung selama 22 tahun lebih (610-632m / 12sh-10h), Pada ketika zaman Nabi Muhammad<sup>3</sup>, autoriti tertinggi dalam pengambilan hukum dipegang oleh Nabi. Setiap persoalan yang muncul di tengah masyarakat dijawab dengan sempurna oleh teks primer [al-Qur'an] dan hadis Nabi. Belum wujud terma "*Fiqh*" pada masa itu sebagai satu istilah ilmu. Malah perkataan feqah digunakan untuk menunjukan segala sesuatu yang dipahami dari teks al-Qur'an dan as-Sunnah. Tempoh kerasulan dan masa *Tasyri'* merupakan proses awal pertumbuhan *QF*. Di zaman Nabi s.a.w, *QF* telah wujud dalam ucapan[Hadis] singkat dan padat [*Jawami' Al-Kalam*]<sup>4</sup>. Dari bentuk hadis seperti ini dapat menampung masalah feqah yang banyak. Oleh itu hadis Nabi Muhammad SAW juga di anggap *QF*. Beberapa buah hadis Nabi yang singkat dan padat mendukung kenyataan ini, antaranya كل مسكر حرام<sup>5</sup> dari hadis ini Nabi Muhammad SAW menjelaskan bahawa segala sesuatu yang dapat menghilangkan fungsi akal adalah haram. Keterangan dari hadis itu menunjukkan bahawa nabi tidak membeza-bezakan jenisnya, Apakah benda tersebut berjenis makanan atau minuman. Ini adalah ketetapan Nabi Muhammad SAW, iaitu hukum meminum minuman atau memakan makanan yang memabukkan adalah haram.

#### 2.1.2 Zaman Sahabat

Ia berlangsung dari tahun 11h hingga 40h [632m -661m].Sudah maklum bahawa para sahabat nabi saw berjasa dalam ilmu kaidah fiqh, kerana turut serta membentuk kaidah fiqh. Para sahabat dapat membentuk kaidah fiqh kerana dua keutamaan, iaitu mereka adalah murid Rasulullah SAW dan mereka tahu situasi yang menjadi turunnya wahyu dan terkadang wahyu turun berkenaan dengan mereka. Pertumbuhan *QF* selepas kerasulan adalah dari sumber

<sup>3</sup> *QF* telah ada semenjak masa tempoh kerasulan meskipun belum dikenal sebagai kaidah.

<sup>4</sup> *QF* terbahgi kepada dua jika dilihat dari segi hubungan denngan sumber tasyri' iaitu; Pertama, *QF* yang awalnya adalah hadis-hadis Nabi kemudiannya dibentuk menjadi *QF* oleh ulamak fiqh. Kedua, *QF* yang terbentuk dari petunjuk – petunjuk nas *Tasyri'* umum yang mengandung illat.lihat Ali Ahmad an-Nadawi, 2000. *Qawaid al-Fiqhiyyah*.Damaskus. Darul Salam. Cet.5.hlm. 67-71

<sup>5</sup> Lihat dalam al-Nawawi.1996. *Syarh al-Nawawi 'ala Muslim, Kitab al-asyribah*. Dar al-Khir. No. Hadis 2002  
حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ يَعْنِي الدَّرَاوَزِيَّ ، عَنْ عُمَارَةَ بْنِ غَرْبَةَ ، عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ ، عَنْ جَابِرٍ ، أَنَّ رَجُلًا قَدِمَ مِنْ حَيْشَانَ وَحَيْشَانَ مِنَ الْبَيْمَنِ فَسَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ شَرَابٍ يَشْرَبُونَهُ بِأَرْضِهِمْ مِنَ الدَّرَةِ يُقَالُ لَهُ الْبُرْزُ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَوْ مُسْكِرٌ هُوَ ؟ " ، قَالَ : نَعَمْ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ... " ،

*Atsar*<sup>6</sup> [pernyataan] sahabat yang dapat dikategorikan *Jawami' Al-Kalim* dan *QF* diantaranya adalah sebagai berikut:

- i. Kenyataan Umar bin al-Khatab Ra [w.23 H] yang diriwayatkan oleh al-Bukhari [w. 256h] dalam kitabnya Sahih al-Bukhari<sup>7</sup> *مقاطع الحقوق عند الشروط* [penerimaan hak berdasarkan kepada syarat-syarat]. *Atsar* Umar bin al-Khatab Ra di atas menjadi kaedah dalam masalah syarat.
- ii. Terdapat juga pernyataan dari Ali bin Abi Thalib Ra [w. 40 H] yang diriwayatkan oleh Abd al-Razaq [w.211 H] ; *من قاسم الربح فلا ضمان عليه*<sup>8</sup> [orang yang membagi keuntungan tidak harus menanggung kerugian]. *Atsar* Ali bin Abi Thalib Ra menjadi kaedah yang subur [berkembang/untung] dalam bidang persoalan harta benda, seperti *mudharabah* dan *syirkah*.

### 2.1.3 Zaman selepas sahabat

Pertumbuhan *QF* pada masa *tabi'in* dan para imam mujtahid<sup>9</sup>, antaranya;

- a. Pernyataan daripada Qadhi Syuriah bin Haris al-kindī<sup>10</sup> [w.76h], seperti; *الناجح أولى من العارف* [orang yang membantu kelahiran binatang [natij] lebih utama daripada orang yang mengaku pemilikannya].
- b. Pernyataan Imam Syafi'i [w.205h] dalam kitabnya *al-Umm*, diantaranya; *الأعظم إذا سقط عن الناس سقط ما هو أصغر منه* [apabila yang besar gugur, yang kecilpun gugur].
- c. Pernyataan Ahmad bin Hambal [w.241h] yang dikemukakan Abu Daud dalam kitabnya *al-Masail* diantaranya; *كل ما جاز فيه البيع تجوز فيه الهبة والصدقة والرهن*<sup>12</sup> [setiap perkara yang boleh diperjualbelikan boleh pula dihibahkan, disedeqahkan, digadaikan]

## 2.2 Sejarah Pentadwinan [Penulisan] dan Pembukuan *QF*

*QF* mula menjadi disiplin ilmu tersendiri dan dibukukan pada abad ke 4 H dan berlanjutan hingga pada masa sekarang. Hal ini terjadi ketika pemikiran bertaqlid mulai kelihatan dalam masyarakat Islam ketika itu dan semangat ijtihad telah menjadi lemah kerana timbul sikap ulama pada saat itu merasa puas dengan perkembangan yang telah dicapai oleh fiqh [aliran mazhab] pada saat itu. Pembukuan fiqh dengan dalil beserta perbezaan pendapat yang terjadi

---

<sup>6</sup> *QF* telah ada semenjak masa Ulama Sahabat [abad 1, 2, 3 H] meskipun belum dikenal sebagai *QF* dan ia pada masa itu belum menjadi satu disiplin ilmu tersendiri. Perkembangan *QF* ini dapat ditelusuri melalui pernyataan-pernyataan para ulama sahabat di atas, kerana mereka adalah rujukan pertama ilmu ini.

<sup>7</sup> Lihat dalam Ismail Bin 'abdullah al-Bukhori. 1422h. *Sahih al-Bukhori*. Jld 2. Hlm 174

روى الأثر: " أن رجلا تزوج امرأة وشرط لها دارها ثم أراد نقلها فخاصموه إلى عمر فقال: لها شرطها , فقال الرجل: إذا يطلقتنا , فقال عمر: مقاطع الحقوق عند الشروط"

<sup>8</sup> No Hadis 15113 Hadis riwayat Abd Razak dari saidina 'Ali . Lihat Abu Bakar Abd Razak.1983. *Musanif Abd Razak- Kitab al-Buyu'*. Maktabah al-Islami.

<sup>9</sup> Beberapa kaidah yang dibentuk para ulama mutaqqaddimin, terutama apa yang disampaikan oleh Imam As-Sibani, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad bin Hambal, merupakan beberapa kaidah ulama mutakhirin. pernyataan para ulama mutaqqaddimin menjadi rujukan ulama mutakhirin dalam membentuk, mengumpulkan, dan mengkodifikasikan *QF* .

<sup>10</sup> Az-Zahabi. *Siyar a'lam an-Nubala*. Pustaka Azzam. Hlm. 756-758.

Seorang ahli fiqh zaman Umayyah. Hakim di Kuffah,

<sup>11</sup> Imam Mohamad Idris as-Syafe'i. 1990. *Al-Umm. Bab al-Furuq al-fiqh*. Beirut; Dar al-Makrifah. Juz.3. Hlm. 236.

<sup>12</sup> Imam Ahmad al-Hambali, 1999. *Masail al-Imam Ahmad bin Hanbal bi riwayat in Abi Daud al-Sajastani*. Maktabah Ibnu Taymiyah , Mesir.

diantara mazhab sepertinya telah memuaskan mereka, sehingga tidak ada pilihan lain bagi generasi setelahnya kecuali merujuk pada pendapat mazhab itu dalam memutuskan dan menjawab persoalan-persoalan baru.

Ketika hukum *furu'* dan fatwa para ulama semakin berkembang seiring dengan semakin banyaknya persoalan baru, lantaran itu para ulama berinisiatif untuk membuat kaedah dan *dhabit* yang dapat memelihara hukum *furu'* dan fatwa para ulama tersebut dari kesalahan akibat kecelaruan faham. Hal inilah yang dilakukan oleh Abu Hasan *al-Karkhi* [w.340h]<sup>13</sup> dalam risalahnya [*usul al-Karkhi*] dan Abu Zaid *al-Dabbusi* [w.430 H]<sup>14</sup> dalam kitabnya *Ta'sis al-Nadhar* dengan memakai istilah *usul*. Apabila *usul* tersebut mencakup berbagai masalah fiqh, maka disebut kaedah, sedangkan kalau hanya mencakup satu masalah fiqh, disebut *dhabit*.

Pada abad ke-7 H, *QF* mengalami perkembangan yang sangat signifikan walaupun terlalu awal untuk dikatakan matang. Diantara ulama yang menulis kitab *qawa'id* pada abad ini adalah al-Imam Izzudin Abd al-Salam<sup>15</sup> [w.660h] menulis kitab "*Qawa'id al-Ahkam fi Mashalih al-Anam*". Dari kalangan mazhab Maliki *Al-Furuq*, oleh: Abul Abbas *Al-Qarafi* [684h]<sup>16</sup> dan banyak lagi. Karya-karya ini menunjukkan bahawa *QF* mengalami perkembangan yang pesat pada abad ke-7 H. *QF* pada abad ini nampak agak tertutup namun sedikit demi sedikit mulai meluas. Pada abad ke-8 H, ilmu *QF* mengalami masa keemasan, iaitu dengan banyaknya bermunculannya kitab-kitab *QF*. Dalam hal ini, ulama *Syafi'iyah* termasuk yang paling kreatif. Diantara karya-karya besar yang muncul dalam abad ini adalah *al-Asyabah wa an-Nadhair* karya *Ibnu al-Wakil al-Syafi'i*<sup>17</sup> [w.716h], kitab *al-Qawa'id* karya *al-Maqqari al-Maliki*<sup>18</sup> [w. 758 H] dan *al-Majmu' al-Mudzhah fi Dhabt al-Mazhab* karya *al-'Alai al-Syafi'i*<sup>19</sup> [w.761h]. Karya-karya besar yang mengkaji *QF* telah disusun pada abad 9 H kebanyakannya mengikuti metode karya-karya abad sebelumnya. Diantara karya-karya tersebut adalah Kitab *al-Qawa'id* karya *Ibnu al-Mulaqqin*<sup>20</sup> [w.840H]. Dengan demikian,

---

<sup>13</sup> Imam Al-Karkhi dikatakan tokoh pertama yang mengasaskan ilmu ini. Karangan ini adalah rujukan paling awal dalam ilmu Kaedah Feqah. Kitab ini berbentuk satu risalah ringkas yang mengandungi 36 kaedah. Setiap kaedah dimulakan dengan perkataan 'Asal'.

<sup>14</sup> Beliau adalah seorang ulama mazhab Hanafi, dan tokoh pertama yang mempelopori ilmu khilaf, yang sekarang dikenali sebagai feqah muqaran [perbandingan]. Kitab *Ta'sis Al-Nazhar* mengandungi 86 kaedah. Kebanyakannya adalah kaedah-kaedah mazhab.

<sup>15</sup> Kitab ini adalah karangan yang sangat unik dari segi isi kandungannya. Dikarang untuk menyerlahkan objektif utama syariat iaitu menghasilkan kemaslahatan dan mengelak kemudaratan. Di samping dimuatkan juga kaedah-kaedah umum yang lain.

<sup>16</sup> Kitab ini antara produk yang paling berharga dalam dunia feqah Islami. Tidak pernah wujud sebelumnya karangan seumpama ini. Bukan setakat mengandungi pelbagai kaedah-kaedah, malah diterangkan perbezaan antara kaedah-kaedah yang mungkin dilihat serupa. Kaedah-kaedah yang dimuatkan dalam kitab ini dikeluarkan dan disusun ketika beliau membaca kitab *Al-Zakhair*. Jumlah kaedah di dalam kitab ini ialah 548 kaedah

<sup>17</sup> Dalam ilmu Kaedah Feqah, kita akan dapati beberapa kitab yang dikarang dengan nama '*Al-Asybah Wa Al-Nazhair*'. Karya Ibn Al-Wakil ini adalah kitab pertama menggunakan nama ini antara kitab-kitab Kaedah Feqah. Beliau menulisnya ketika musafir di atas kapal. Kemudian beliau wafat tanpa sempat menyusunnya secara sempurna.

<sup>18</sup> Dikatakan nama penuh judul kitab ini ialah: '*Al-Qawaed Fi Usul Masail Al-Khilaf*'. Nama ini sangat bertepatan dengan kandungannya. Ia antara kitab Kaedah Feqah yang paling luas perbincangannya dalam mazhab Maliki. Tetapi dalam sesetengah tempat, ia masih memerlukan kepada penerangan untuk difahami.

<sup>19</sup> Kitab ini antara kitab Kaedah Feqah yang sangat bernilai dikarang pada kurun ke-8H. Ia menghimpunkan antara kaedah feqah dan juga kaedah *usul*. Boleh dikatakan kitab ini sebagai intipati bagi segala karangan ulama sebelumnya dalam ilmu Kaedah Feqah dan Kaedah *Usul*.

<sup>20</sup> Susunan kitab ini adalah mengikut bab-bab feqah. Ia dikarang secara tertib dan tersusun. Sesiapa yang mengkaji kitab ini akan mendapati beliau banyak merujuk kepada kitab '*Al-Asybah Wa Al-Nazhair*' oleh Ibn Al-Subki.

ilmu *QF* berkembang secara beransur-ansur. Pada abad 10H, *QF* semakin berkembang. Imam *al-Suyuti*<sup>21</sup> [w.911H] telah berusaha mengumpulkan *QF* yang paling penting dari karya *al-Subki*<sup>22</sup>, dan *al-Zarkasyi*<sup>23</sup>. Ia mengumpulkan kaedah-kaedah tersebut dalam kitabnya *al-Asybah wa al-Nadhair*. Kitab-kitab karya ketiga tokoh ulama tersebut masih mencakup *Qawa'id Usuliyah* dan *QF*, kecuali kitab karya *al-Zarkasyi*.<sup>24</sup>

### 3. Konsep Kaedah Feqah [*Qaedah Fiqh*]

Pengertian *Qaedah fiqhiyyah* secara etimologi dan terminologi ulama. Kata *QF* terbentuk dari dua suku kata iaitu *Qawaid dan Fiqhiyyah*. *Qawaid* [قواعد] adalah kata jama' bagi *Qaedah* [قاعدة]. Dari sudut etimologi[bahasa] ia membawa makna dasar atau asas sesuatu.<sup>25</sup> Manakala dari sudut terminologi[Istilah] penulis temui banyak huraian yang berbeza antara para ilmuwan, antaranya;

Menurut al- Jurjani;

قضية كلية منطبقة على جميع جزئياتها<sup>26</sup>

"Isu-isu Kulli yang boleh diaplikasikan atas semua juzinya[ bahagiannya]

Menurut al-Subki:

هي الأمر الكلي الذي ينطبق عليه جزئيات كثيرة تفهم أحكامها منه<sup>27</sup>

[Perkara Kulli dimana banyak persoalan Juz'i[bahagian] yang dapat diaplikasikan padanya, dimana-mana hukum-hukum juz'i dapat di identifiakasi daripadanya].

Menurut al-Maqarri;

نعني بالقاعدة كل الكلي هو أخص من الأصول وسائر المعاني العقلية العامة وأعم من العقود وجملة الضوابط الفقهية الخاصة<sup>28</sup>

[ Kaedah adalah setiap(perkara) kulli adalah lebih khusus dari usul dan semua makna umum yang bersifat logika dan lebih umum dari akad dan dhawabit fiqhiyyah yang bersifat khusus]

Secara kesimpulan awal bahawa sebahagian ulama melihat kaedah feqah adalah sebuah aturan dasar tentang perbuatan mukallaf yang dapat menampung dan merespon hukum-hukum syara' yang bersifat kontemporari.

<sup>21</sup> Kitab Imam Suyuti ini boleh dikatakan sebagai intipati kepada semua kitab-kitab Kaedah Feqah sebelum beliau. Kerana beliau adalah tokoh yang hebat dalam mengumpul fakta dan mengarang secara tersusun. Tidak hairan karangan beliau menjangkau 600 buah. Antara keistimewaan kitab ini, beliau membawa dalil-dalil bagi kaedah-kaedah feqah samada daripada hadis atau atsar sahabat.

<sup>22</sup> Dalam pendahuluan kitab ini, pengarang menjelaskan kepentingan dan kesukaran ilmu Kaedah Feqah. Kemudian, memulakan kitab dengan perbincangan lima kaedah feqah yang asasi, sebelum membawa kaedah-kaedah yang lain. Keseluruhan kaedah di dalam kitab ini lebih kurang 60 kaedah. Ia menjadi rujukan ulama selepasnya dalam penulisan Kaedah Feqah.

<sup>23</sup> Al-Zarkasyi menyusun kaedah-kaedah di dalam kitabnya ini mengikut huruf *hija'iyah*. Dimulakan dengan huruf Alif dan diakhiri dengan huruf Ya'. Maka kaedah yang dimulakan dengan huruf Alif akan diletakkan di bawah bab: Huruf Alif. Begitulah huruf-huruf lain. Kecuali huruf 'Tsa' [?] kerana tidak ada kaedah dimulakan dengannya.

<sup>24</sup> Ade Didi Rohayana. *Qawaid Fiqhiyyah Pengaruhnya Terhadap Perbezaan Pendapat Fiqaha*. Jakarta; UIN. Syarif Hiadayatullah. hlm 130-136.

<sup>25</sup> Al-Raghin al-Asfahani, 1961, *al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Mesir. *Mustafa al-Babi al-Halabi*. Hlm.409.

<sup>26</sup> Al-Jurjani. 1983. *Al-Ta'rifat*. Beirut ; *Darul Kutub Ilmiyyah*. Cet. 1. Hlm. 171.

<sup>27</sup> Tajuddin al-Subki, 1991. *Al-Asybah Wa Al-Nadhair*. Beirut; *Darul Kutub al-Ilmiyyah*. Hlm.10

<sup>28</sup> Al-Maqarri. 1989. *Al-Qawaid*. Beirut; *Darul fikr*. Hlm. 107

Manakala *fiqhiyyah* berasal dari kata *fiqh* dan ditambah *ya nisbat* untuk memberi maksud penjenisan. Secara etimologi kata *fiqh* itu lebih dekat dengan makna ilmu. Seperti yang di sebut dalam firman Allah s.w.t surah at-Taubah;122;

فلو لا نفر من كل فرقة منهم طائفة ليتفقهوا في الدين

[*mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan beberapa orang dikalangan mereka yang memperdalamkan pengetahuan mereka dalam ilmu agama*]

Secara terminology *fiqh* pula, menurut al-Isnawi;

العلم بالاحكام الشرعية العمالية المكتسب من ادلتها التفصيلية<sup>29</sup>

[*Ilmu tentang hukum-hukum syara' yang bersifat amali yang diperolehi dari dalil-dalil yang dihalusi/didetili*]

Al-Isnawi cuba membetul kesalahfahaman sesetengah ilmuwan terhadap huraian terminologi ahli *fiqh* adalah orang yang memahami beberapa masalah *fiqh*. Padahal menurutnya ahli *fiqh* itu tidak hanya memahami malah perlu menjiwai atau menjadi watak [*sajiah*]. Ini berasaskan huraian al-Isnawi menjawab pada pandangan orang mengatakan *al* pada kata *al-hukmu* itu bukan *lil jins* [jenis]. Menurut mereka, kata jamak [plural] dari jenis, paling kurang adalah tiga [3], maka *al* pada *al-hukm* itu adalah *lil jins* maka orang awam yang mengetahui sekurang-kurang tiga masalah *fiqh* dengan dalil-dalilnya boleh di panggil ahli *fiqh*. Jadi dalam pandangan al-Isnawi secara terminologi *fiqh* tidak sekadar faham bahkan lebih mendalam makna sehingga orang yang memahami *fiqh* tanpa menjadi wataknya [*sajiah*] belum boleh dipanggil ahli *fiqh*. Definisi tersebut masih umum, kerana masih terbuka untuk memberi maksud istilah kaedah dalam ilmu lain. Penulis dapati ada hubungan *al-qawâ'id al-fiqhiyyah* dengan ilmu-ilmu yang serupa, antaranya:

### 3.1 Kaedah Utama

Dalam kaedah hukum Feqah, ada dua kaedah iaitu *Qawaid Fiqhiyah* [*QF*] dan *Qawaid Usuliyah* [*QU*]. *Qawaid Fiqhiyyah* merupakan dasar-dasar yang berkaitan dengan hukum Syar'i yang bersifat mencakup sebahagian besar bahagian-bahagiannya [masalah cabang] dalam bentuk teks-teks perundang-undangan yang ringkas dan padat yang mengandungi penetapan hukum-hukum yang umum pada peristiwa-peristiwa yang dapat dimasukkan pada permasalahannya. *QF* berfungsi untuk memudahkan para mujtahid atau para ahli feqah yang ingin mengistinbathkan hukum yang bersesuaian dengan tujuan syara' dan kemaslahatan manusia<sup>30</sup>. Sedangkan *QU* boleh menjadi dalil syara' yang bersifat menyeluruh dan global [*kulli* dan *mujmal*]. *QU* itu umumnya berkaitan dengan ketentuan *dalalah* lafaz atau pada aspek kebahasaan. Oleh kerana sumber hukum adalah wahyu yang berupa bahasa, maka peranan *QU* sebagai alat untuk menggali ketentuan hukum yang terdapat dalam bahasa wahyu itu. Menguasai *QU* dapat mempermudah ahli *fiqh* untuk mengetahui hukum Allah s.w.t dalam setiap peristiwa hukum yang dihadapinya. Dalam hal ini *QF* pun berfungsi sama dengan *QU*, sehingga terkadang ada suatu kaedah yang dapat disebut *QU* dan *QF*.

Dalam kaedah *fiqh* terdapat lima kaedah utama yang iaitu<sup>31</sup>:

1. Semua urusan bergantung kepada niat / tujuannya [ *Al-umur Bimaqasidih* ].

<sup>29</sup> Jamaluddin al-Isnawi.1990. *Nihayat al- Sul fi Syarh al-Wusul fi ilm Usul*. Mesir; Maktabah Ali Shubah Wa Auladuh. Juz. 1.Hlm.19

<sup>30</sup> Usman, Muchlis, Drs. MA. H.,2002 . *Kaedah-Qawaid Usuliyah dan Fiqhiyah : Pedoman Dasar Dalam Istibath Hukum Islam*, Jakarta : PT Raja Grafindo Persada, hlm. 10

<sup>31</sup> Mujib, Abdul, Drs. H. 2004, *Kaedah-Kaedah Ilmu Fiqih : Al-Qawaidul Fiqhiyyah*, Jakarta : Kalam Mulia. hlm. 24

2. Keyakinan tidak dihilangkan dengan keraguan [*Al Yaqin Layazul Au Layuzal Bi Al Syak*].
3. Kesulitan[kesusahan] itu membawa kemudahan [ *Al Masaqah Tajlib At Taisir*].
4. Adat / kebiasaan boleh dijadikan sebagai hukum [ *Al Adah Muhakkamah* ].
5. Tidak boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain [ *Ad Darar Yuzal* ].

### 3.2 Anotasi<sup>32</sup> Kitab dan Tokoh dalam bidang *Qawaid al-Fiqh*.

#### Kitab *QF* mazhab Hanafi.

Di antara kitab *QF* mazhab ini adalah;

##### i. **Kitab *Usul al-Kharkhi***

Pengarang kitab ini adalah *Ubaidillah bin al-Hassan bin Dallal lebin dikenali dengan Abu Hassan al-Kharkhi*. Belajar feqah dengan Abu 'Ali Ahmad bin Muhammad al-Syasi dan Abu Bakar al-Jassas. Beliau menyusun kitab ini dengan memulai setiap kaedah dengan الأصل seperti ;

- a. الأصل أن مائت باليقين لا يزول بالشك bermaksud “ yang menjadi kaedah adalah perkara yang tetap oleh keyakinan tidak dapat dihilang dengan keraguan”
- b. الأصل أن للحالة من الدلالة كما للمقالة bermaksud “ yang menjadi kaedah bahawa petunjuk keadaan adalah seperti petunjuk dengan perkataan”
- c. الأصل أن جواب السؤال يحري على حسب ما تعارف كل قوم في مكانهم bermaksud “ yang menjadi kaedah bahawa jawapan atas suatu pertanyaan yang berlaku sesuai dengan apa yang diketahui oleh setiap kaum di tempatnya masing-masing”

##### ii. **Kitab *Ta'sis al-Nadhar***

Ia adalah hasil karya 'Ubaidillah bin Umar bin Isa al-Qadhi Abu Zaid al- Dabusi<sup>33</sup>. Beliau belajar *Usul –al-Fiqh* kepada al-Amidi. Pengarang kitab ini meletak *usul* dan *qawaid* dalam penulisannya menjadi tempat tumbuhnya hukum furu'. Beliau menyusunn beberapa kaedah feqah , antaranya;

- a. الأصل عند أبو حنيفة أن الشيء إذا غلب عليه وجوده يجعله كالموجود حقيقة وإن لم يوجد. Bermaksud “ Menurut Abu Hanifah yang menjadi kaedah apabila sesuatu didominasi oleh wujudnya maka ia dianggap sebagai sesuatu yang benar-benar wujud[ada] meskipun sebenar tidak ada”
- b. الأصل عند أبو يوسف أنه إذا لم يصح الشيء لم يصح ما في ضمنه وعند أبي حنيفة يجوز أن يثبت ما في ضمنه وإن لم يصح. Bermaksud “Menurut Abu Yusuf yang menjadi kaedah adalah apabila sesuatu tidak sah, maka tidak sah pula apa yang dikandungnya. Menurut Abu Hanifah pula apa yang dikandung oleh sesuatu yang tidak sah dianggap sah juga”.

##### iii. **Kitab *al-Asybah wa al-Nadhair***

---

<sup>32</sup> Menurut Kamus Dewan Bahasa edisi Ke Empat : Anotasi membawa maksud seperti berikut: menganotasi membuat catatan tambahan kepada buku (teks, manuskrip dsb) untuk mem-berikan penjelasan atau keterangan lanjut; Maka dalam tulisan ini penulis mengambil maksud anotasi itu adalah memberikan penjelasan dan keterangan lanjutan berkaitan kitab – kitab dalam Empat mazhab secara ringkas [sorotan awal]

<sup>33</sup> Berasal dari satu daerah *Dabussiyyah* kota antara Bukhara dan *QF* Samarkand. Lihat Ibnu al-Ahmad.1990. *Syazrat al-Zahab*. Beirut; Dar al-Fikr. Juz. 3. Hlm. 245-246



Pengarang kitab ini adalah Zainuddin bin Ibrahim bin Muhammad[w.970h], lebih masyhur dengan gelaran Ibnu Nujaim. Kitab karya beliau ini masyhur setanding dengan kitab *al-Asybah wa al-Nadhair* karang Imam Sayuthi. Diantara kaedah yang dimuat dalam kitab ini;

- a. لا ثوب الا بالنية bermaksud “*tidak ada pahala melainkan dengan niat*”
- b. إذا اجتمع الحلال و الحرام غلب الحرام bermaksud “*apabila berhimpun halal dan haram maka yang haram mengatasinya*”

### **Kitab QF Mazhab Maliki**

#### **i. Kitab Usul al-Fatawa fi al-fiqh ‘ala Mazhabal-Imam al-Maliki.**

Ia adalah hasil karya Muhammad bin Haris bin Asad al-Khasani, lahir dihujung abad ke Tiga hijrah , belajar di Qairawan dan pindah ke Andalusia pada usia 12 tahun. Meninggal sekitar tahun 311h<sup>34</sup>. Merupaka kitab pertama yang mencakupi usul mazhab Maliki. Beliau orang pertama dalam penulisannya *usul al-fiqh[al-ta’sil al-fiqhi]* dan *qawaid al-fiqh [ ta’qid al-qawaid]*<sup>35</sup>. Diantara kaedah yang dimuatkan dalam kitab ini;

- a. كل صفقة جمعت حلالا وحراما فهي كلها حراما ولا ينعقد البيع في الحلال منها خاصة bermaksud “*setiap transaksi yang terhimpun didalamnya halal dan haram adalah haram. Dan secara khusus jual-beli halal yang dibuat oleh transaksi tersebut adalah tidak sah.*”
- b. كل مقرّ أقرّ إقرارا مجملا فالقول قوله في تفسيره bermaksud “*setiap orang yang membuat pengakuan secara umum, penafsiran yang diakui dalam menjelas keumumannya[mujmal] itu adalah penafsirannya sendiri*”

#### **ii. Kitab al-Furuq**

Ia adalah hasil karya Abu Abbas Ahmad bin al-Alai Idris bin ‘Abd al-Rahman al-Sanhaji. Digelar Shihabuddin namun lebih dikenali dengan al-Qarafi. Berguru lama dengan sultan ulama ‘Izzudin ‘Abd al-salam dan Jamaluddin al-Hajib.<sup>36</sup> Kitab ini mengandungi 548 buah kaedah , antaranya;

- a. كل عقد لا يفيد يبطل bermaksud “*setiap akad yang tidak berfaedah adalah batal*”.
- b. إن الأحكام المرتبة على العوائد تتبع العوائد وتتغير عند تغيره bermaksud “*hukum yang biasa ditetapkan atas dasar kebiasaan[adat] mengikut adat dan berubah hukum apabila adat tersebut berubah*”

#### **iii. Kitab al-Qawaid**

Ia adalah hasil karya Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Maqqari. Di gelar al-Maqqari kerana dinisbah kepada sebuah daerah *Maqqarrah* di Afrika. Seorang yang hebat antara muridnya adalah Abu Ishaq as-Syatibi[w.790h] dan Ibnu Khaldun[w.808h]. sangat berani dalam menegak kebenaran.<sup>37</sup> Kitab ini adalah salah satu kitab terbaik dalam mazhab al-Maliki, perbahasannya mengikut cara Imam Maliki, beliau turut menggunakan metode perbandingan kaedah mazhab – mazhab lain dalam kitab ini. Diantara kaedah yang di muatkan dalam kitab ini adalah;

- a. مراعاة المقاصد مقدّمة على رعاية الوسائل أبدا bermaksud “*menjaga maksud lebih diutamakan daripada menjaga wasilah*”.

<sup>34</sup> Al-Zirikli, *al’alam*, Juz. 8. Hlm.70

<sup>35</sup> Ahmad al-Nadawi.*Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah. Op.cit.* Hlm 90.

<sup>36</sup> Ibnu Farhun .1989. *al-Dibaj al-Muzhab*. Kaherah; Dar al-Turath. Jld. 1 . hlm. 239

<sup>37</sup> Ahmad bin Muhammad *al-Tilmisan*.1990. *Nafh al-Tayyib Min Gazy al-Andalus al-Ratib*. Beirut; Dar al-Kitab al-‘arabi. Juz.7. hlm.202

- b. الغالب يرجع إلى العوائد فيما كان خلقه كالحيض والبلوغ فإن اختلف فإلى الغالب bermaksud “Wajib rujuk/kembali kepada kebiasaan pada perkara khilqah seperti haid dan baligh, jika berlaku perbezaan maka dikembalikan kepada umum/kebiasanya”.
- c. الاحتياط في الخروج من الحرمة إلى الإباحة أشد منه في العكس bermaksud “sikap berhati-hati dalam membolehkan yang haram adalah lebih kuat daripada sebaliknya”

### Kitab QF Mazhab Syafe’i

#### i. Kitab *Qawaid al-ahkam fi Masalihil Anam.*

Adalah karya ‘Izzuddin ‘abd al-salam bin ‘abd al-‘aziz al-Maghribi[w.660H]. Ia di gelar *Sultan al-Ulama* oleh Syeikh Ibnu Daqiq al-Id[w.702h]<sup>38</sup>. Belajar ilmu Usul al-Fiqh dari al-‘Amidi. Ia di hormat di zamannya kerana keilmuannya terserlah dalam bidang fiqh, ketajaman fikirannya dalam melihat hakikat Syariat dan rahsia-rahsiannya. Disamping kewarakan dan ketegaran dalam menegakkan kebenaran sukar untuk ditandingi.<sup>39</sup> Tujuan kitab ini di karangan kerana berdasarkan kaedah syarak yang asas iaitu جلب المصالح ودرء النفاسد [menarik kemaslahatan dan menolak kefasadatan]. Antara kaedah-kaedah feqah yang di muatkan dalam kitab ini adalah;

- i. الأصل أن تزول الأحكام بزوال علها bermaksud “ yang menjadi kaedah, hokum hilang apabila ‘lilatnya hilang”
- ii. لا يسقط الميسور بالمعسر bermaksud “ perkara yang mudah tidak akan gugur oleh kesulitan/ kesusahan”
- iii. كل تصرف جرّ فسادا أو دفع صلاحا فهو منهى عنه bermaksud “ setiap tindakan yang membawa kefasadatan atau menolak kemaslahatan adalah terlarang”.
- iv. ما أحلّ لضرورة أو حاجة يقدر بقدرها وبزال بزواله bermaksud “perkara yang halal kerana mudarat atau satu keperluan [dibolehkan] sesuai dengan kadar kemudaratan atau keperluannya tersebut, dan kehalalan tersebut akan hilang apabila kemudaratan dan keperluan tersebut telah hilang”
- v. حفظ الموجود أولى من تحصيل المفقود ودفع الضرر أولى من جلب النفع bermaksud “memelihara yang ada lebih diutamakan dari yang tidak ada, dan menolak kemudaratan lebih utama dari menarik kemaslahatan.

#### ii. Kitab *al-Asybah wa al- Nadhair*

Adalah hasil karya Muhamad bin Umar bin Makki [665h]. Beliau di gelar *Sadr Din* namun beliau lebih dikenali dengan gelaran Ibnu *al-Wakil al-Misri* di kalangan para ulama pada akhir hayatnya. Beliau belajar usul al- Fiqh dengan *Safiyuddin al-Hindi*[w.715h]. Dikenali oleh ulama seorang yang mempunyai kecederasan dan hafazan yang tinggi.<sup>40</sup> Menurut Ibnu Kathir beliau adalah Syeikh Mazhab as-Syafe’i.<sup>41</sup> Menurut Ibnu Subki, Ibnu al-Wakil adalah Imam Besar dan tokoh yang sukar di cari ganti.<sup>42</sup> Antara kaedah fiqh yang tedapat dalam kitab ini adalah ;

- i. الأصل في الإطلاق الحقيقة bermaksud “ yang menjadi asal dalam kata-kata adalah erti sebenar [hakikat]” kadang-kadang dibawar erti kiasan jika disertai niat.

<sup>38</sup> Al-Isnawi,1981. *Thabaqat –al-Syafi’iyyah.* Riyad ; Dar Ulum. Juz 2. Hlm 197-198

<sup>39</sup> Abu Syamah al- Dimasyqi.1974. *Tarajum Rijal al-Qarnain al-Sadis wa al-sabi’.* Beirut; Dar al-Jail. Hlm. 216.

<sup>40</sup> Al-Isnawi,1981. *Thabaqat –al-Syafi’iyyah.* Op.cit. Hlm 459-460

<sup>41</sup> Ibnu Kathir.1977. *al-Bidayah wa al-Nihayah.* Beirut. Maktabah al-Ma’arif. Hlm.80

<sup>42</sup> Al-Subki.1963. *Thabaqat al-Syafe’iyyah al-Kubra.*Mesir; Isa al-Babi al-Halabi. Cet.1. hlm.253

- ii. احتمال أخف المفسدتين لأجل أعظمهما هو المعتبر في القياس الشرعي bermaksud “ menurut pandangan syara’ kemafsadatan yang paling ringan boleh jalankan demi untuk menghindari kemafsadatan yang lebih besar, ia adalah diakui dalam qiyas Syar’i.”

**iii. Kitab al-Majmu’ al-Muhzab fi al-Qawaid al-Mazhab**

Ia adalah hasil karya Khlil bin Kaikaldi dan juga di gelar Salahuddin. [w.761h] Di beri kunyah dengan Abu Said al-Alai. Beliau belajar fiqh dengan Burhanuddin al-Farazi[w.729] dan Kamal al-Zamlakani.<sup>43</sup> Antara kaedah yang muatkan dalam kitab ini adalah;

- i. الألفاظ الحقيقة فلا تحمل على المجاز إلا بدليل bermaksud “ yang asal dalam kata-kata adalah erti sebenar [hakikat] dan tidak dapat dibawa pada erti kiasan melainkan dengan dalil.”
- ii. إذا اجتمع حظر و إباح غلب جانب الحظر bermaksud “ apabila larangan dan keharusan berkumpul, larangan mengalahkan keharusan.

**iv. Kitab al-Asybah wa al- Nadhair**

Sebuah karya ‘Abdul Wahab bin ‘Ali bin ‘Abd al-Kafi bin ‘Ali bin Tamam al-Subki [w.771h]. Nama kunyah adalah Abu Nasr juga di gelar dengan Tajuddin. Beliau belajar hadis dengan al-Hafis al-Mizzi. Sangat menekuni dalam pelbagai bidang ilmu.<sup>44</sup> Antara kaedah yang di muatkan dalam kitab ini adalah;

- a. إذا اجتمع امران من جنس واحد دخل احدهما في الآخر غالبا bermaksud “ apabila dua perkara sejenis berkumpul, secara umum salah satu dari keduanya masuk kepada yang lainnya”
- b. الخروج من الخلاف أولى و أفضل bermaksud “ keluar dari perbezaan pendapat adalah lebih utama”
- c. كل متصرف عن الغير فعليه أن يتصرف بالمصلحة bermaksud “setiap tindakan atas orang lain perlu kemaslahatan”

**Kitab QF mazhab Hanbali**

**i. Kitab al-Qawaid al-Nuraniyyah al-Fiqhiyyah.**

Pengarang kitab ini adalah Taqiyuddin ‘Abd al- Abbas ahmad bin ‘Abd Halim bin ‘Abd al-Salam bin ‘Abdillah bin Taimiyyah bin al- Harrani al- Dimasyqi[w.728h], ia dari kalingan ulama Syria. Belajar bahasa arab kepada Ibnu al-Tufi<sup>45</sup>. Diantara kaedah feqah yang terdapat dalam kitab ini;

- a. إذا تعذر جمع الواجبيين قَدّم أرجحها وسقط الآخر بلوجه الشرعي bermaksud “apabila uzur[tidak dapat] berkumpul dua kewajiban, diutamakan yang paling kuat[unggul] dan gugur yang lain dengan jalan [cara] syar’i.
- b. العلم برضى المستحق يقوم مقام إظهاره للرضى bermaksud “ tahu akan kerelaan yang berhak, menepati posisi kerelaan darinya”.
- c. كل ما كان حراما بدون الشرط فالشرط لا يبيحه bermaksud “ setiap barang/perkara yang haram tanpa syarat, maka penetapan adanya syarat tidak dapat mengharuskannya”

**ii. Kitab al-Qawaid al-Fiqhiyyah.**

<sup>43</sup> Ibnu al-‘Amaad. *Sazrat al-zahab*. Juz.6. hlm.190.

<sup>44</sup> Ibnu Hajar al-Asqalani. 1966. *Durar al-Khaminah*. Kaherah; Matba’ al-Madani. Juz. 4. Hlm.69-70.

<sup>45</sup> *Syazrat al-Zahab*. *Op.cit.* juz 6. Hlm.80

Adalah hasil karya Ahmad bin al-Hassan bin ‘Abdillah.[w.771h] kunyahnya adalah ‘Abu al-Abbas, juga di gelar Syarafuddin namun ia lebih dikenali dengan Ibnu al-Qadi al-Jabal. Beliau adalah murid Ibnu Taimiyyah. Salah seorang tokoh ulama Hanbali. Diantara kaedah Feqah yang termuat dalam kitab ini;

- a. ما ثبت للضرورة أو الحاجة يقدر الحكم بقدرها bermaksud “ *sesuatu yang boleh kerana dharurat atau keperluan[hajat]hukum nya sesuai mengikut qadar dharurat atau keperluan*”
- b. العمل بالظن هو في أكثر الشرعيات و العرفية bermaksud “ *beramal dengan sangka[zhan] yang kuat banyak berlaku dalam masalah hokum syara’ dan hokum adat.*”
- c. يسقط الواجب بالعجز bermaksud “ *gugur satu kewajiban oleh ketidakmampuan*”

### iii. **Kitab Taqrir al-Qawaid wa Tahrir al-Fawaid.**

Sebuah karya oleh Hafiz ‘Abd al-Rahman bin Syihabuddin bin Ahmad bin Abi Ahmad Rajab. Ia digelar dengan Zainuddin , kunyahnya Abu al-Faraj al-Baghdadi al- Dimasyqi. Mashur dengan gelaran Ibnu Rajab al-Hanbali[w.795h]

- a. من تعجل حقه أو ما أبيح له قبل وقته على وجه محرّم عوقب بحرمانه bermaksud “ *sipa yang mempercepatkan haknya atau yang dibolehkan kepadanya sebelum waktunya tiba dengan cara yang haram, dihukum terhalang dari hak atau sesuatu yang boleh*”
- b. إذا تعارض أصلان عمل بالأرجح bermaksud “ *apabila bertembung antara dua dasar/dalildiamalkan yang paling kuat diantara keduanya*”
- c. يقوم البديل مقام المبدل ويبنى حكمه على حكم مبدله bermaksud “ *pengganti menganbil tempat yang diganti, dan mempunyai hokum seperti hokum perkara yang diganti*”

### **Pemantapan dan Penyempurnaan QF**

Pengkodifikasian QF telah mencapai puncaknya ketika disusun *Majallat al-Ahkam al-‘Adliyyah*<sup>46</sup>[MAA] oleh lajnah Fuqaha pada masa Sultan al-Ghazi Abdul Azis Khan al-Utsmani [1861-1876 M] pada akhir abad 13H. Kitab MAA ini menjadi rujukan lembaga kehakiman pada masa itu. Ia ditulis dan dibukukan setelah diadakan pengumpulan dan pemilihan terhadap kitab-kitab dan kaedah-kaedah fiqh, adalah suatu prestasi yang gemilang dan merupakan indikasi pada kebangkitan fiqh pada waktu itu. Kitab MAA inilah yang menyebabkan kaedah fiqh semakin tersebar luas dan menjadi sangat penting dalam proses penilaian hukum fiqh. Setelah mengamati sejarah dari perjalanan QF mulai dari masa kemunculannya sampai kematangannya, dapat disimpulkan sebagai berikut:

1. Kaedah-kaedah yang terdapat dalam kitab fiqh yang ditulis oleh para pendiri mazhab seluruhnya bukan berupa kaedah umum, namun masih dalam bentuk kaedah mazhab. Dengan maksud bahawa kaedah itu hanya sesuai pada suatu mazhab tertentu tidak pada mazhab lain.
2. Sebagian besar kaedah yang dibukukan pada abad-abad belakang atau sekarang, ternyata telah dikemukakan oleh para ulama sebelumnya dengan redaksi yang berbeza. Misalnya dalam MAA ada kaedah *الاقرار حجة قاصرة* [pengakuan adalah hujjah yang terbatas]. Dengan redaksi yang berbeza, kaedah ini telah dikemukakan *al-Karkhi* dalam kitabnya *Risalah al-Karkhi* [usul al-karkhi] sebagai berikut:  
ان المرء يعامل في حق نفسه كما اقربيه ولا يصدق على ابطال حق الغير ولا بالزام الغير حقا  
[orang menggunkan hak pribadi sesuai dengan pengakuannya. Ia tidak dapat membatalkan hak orang lain atau menetapkan hak kepadanya].

<sup>46</sup> Merupaka gabungan penulisan ulama Turki Usmani yang terdiri daripada empat Mazhab. Mazhab Hanafiyyah yang paling berpengaruh dalam kitab ini. Usaha pembukuan ini bermula pada zaman Sultan Ghazi Abdul Aziz Khan al-Utsmani [1861 -1876m].

3. Ada beberapa kaedah perlu diformat semula dengan yang lebih sempurna. Ini kerana boleh jadi kaedah tersebut masih kurang mencakup atau masih bersifat umum, sehingga perlu disempurnakan atau dibatasi. Misalnya, kaedah;

لا ينكر تغير الاحكام بتغير الزمان

[tidak ditolak perubahan hukum kerana perubahan zaman].

Para Fuqaha dan ahli usul sepakat bahawa hukum yang dapat berubah kerana perubahan zaman adalah *hukum ijthadi*, jika dibiarkan seperti itu, akan menjadi kesalah pahaman. Dengan demikian, redaksi kaedah tersebut perlu di susun semula samada baik ditambah atau diganti dengan yang lebih jelas, seperti:

لا ينكر تغير الاحكام المبينة على المصلحة والعرف بتغير الزمان

“tidak ditolak perubahan hukum yang dibangun oleh kemaslahatan dan ‘urf kerana perubahan zaman”.

4. *Qawa'id fiqhiyyah* terbentuk menjadi sebuah disiplin ilmu tersendiri secara berangsur-angsur. Di samping itu dalam pembuatannya pun para fuqaha membentuknya secara bertahap.

### Hubungan *QF* dengan *al-dhawâbith al-fiqhiyyah [DF]*

Istilah *QF* mempunyai maksud yang hampir dengan *DF*. Keduanya ada kesamaan namun perbezaan dalam ruang lingkupnya sahaja. Contoh *QF* ruang lingkupnya tidak terbatas kepada satu masalah feqah sahaja. Namun *DF* ruang lingkupnya hanya dalam satu masalah feqah sahaja. Menurut al-Banani; *QF* tidak khusus untuk satu bab[masalah] feqah sahaja sebaliknya *DF*.<sup>47</sup> Menurut as-Subki; perbezaan *QF* dan *DF*, ada diantara kaedah yang tidak khusus untuk satu bab[masalah] feqah seperti ; اليقين لا يزول بالشك [Keyakinan tidak dapat dihilang oleh Keraguan], tetapi ada juga yang khusus untuk satu bab[masalah] feqah seperti; كل كفارات سببها معصية فهي على فور [setiap kifaratan yang sebabnya maksiat harus segera ditunaikan]. Kaedah yang khusus untuk satu bab[masalah] feqah dan tujuannya menghimpun bentuk-bentuk yang serupa disebut *dhabit*.<sup>48</sup> Ibnu Nujaim memezakan *QF* dengan *DF*, bahawa kalau kaedah menghimpunkan cabang furu' dari berbagai bab[masalah] feqah yang berbeza-beza. Manakala *dhabit* pula menghimpun cabang furu' dari satu bab [masalah] feqah.<sup>49</sup>

Namun ada ulamak yang menyamakan *QF* dengan *DF*, iaitu al-Nablusi. Bagi beliau secara istilah kaedah bererti *dhabit*, iaitu setiap *kulli* dapat diaplikasi pada seluruh bagiannya[juziyyat].<sup>50</sup> Kitab yang terkenal dengan menghimpun *dhawabit* adalah *al-istigna fi al-furuq wa al-istisna'* karya Badaruddin Abu Bakar al-Bakr. Termuat di dalam kitab susunan beliau ini sebanyak enam ratus[600] kaedah yang sebahagian besarnya adalah *dhawabit*. Contoh-contoh *dhawabit* al-Fiqhiyyah;

- إيمان اهاب دبع فقد طهر: رواه الترميذي  
[ Kulit apa pun jika disamak menjadi suci].

<sup>47</sup> Abdurrahman Jadillah al-Banani.1995. *Hasyiyah al-Banani*. Beirut; Dar al-Fikr. Juz. 1. Hlm.357.

<sup>48</sup> Mustaza Ahmad al-Zarqa.1983. *al-Madkhal al-Fiqh al-Amm*. Damaskus; Matba'ah Jam'iah. Cet.7. Juz.2. hlm.941.

<sup>49</sup> Ibnu Nujaim.1983. *al-Asybah wa al-Nadhair*. Damaskus; Dar al-Fiqr. Cet.1. hlm. 192. Lihat; Dalam pendahuluan kitab ini, Ibn Nujaim menyebut beliau menulis kitab ini berpandukan kepada karya Ibn Al-Subki. Dan jika dibandingkan antara dua kitab ini, memang ada titik persamaan. Cuma Ibn Nujaim tidak memberi tumpuan kepada Kaedah Usul. Kitab ini juga telah disyarah oleh beberapa ulama.

<sup>50</sup> Abdul Ghani al-Nablusi. 1989. *Al-kasyf al-Khatair 'an as-asybah wa an-nadhair*. Mesir; Maktabah al-Khazanah al-'amah. Hlm.10.

- Al-Mujahid menyatakan : كل شئ خرج من الارض قل أو كثر مما سقت من السماء أو سقى بالعيون ففيه العشور. [ setiap sesuatu yang keluar dari Bumi sedikit atau banyak yang disirami air hujan atau di airi dengan mata air, maka wajib keluar zakat sepersepuluh]

### Hubungan *QF* dengan *al-nazhariyyat al-fiqhiyyah* [*NF*]

*al-Nazhariyyat* adalah teori-teori feqah, ia merupakan istilah baru dalam perkembangan hukum Islam. Menurut Abu Zahra dalam kitab *Usul al-Fiqh* ada menyatakan bahawa dalam kandungan *QF* juga menguna istilah *al-Nazhariyyat al-'ammah* bagi maksud *fiqh Islam*, *Qawaid Al-Milkiyyah Fi Al-Syariah* [kaedah-kaedah kepemilikan dalam hukum Islam], *Qawaid Ad-Dhaman* [Kaedah-kaedah pertanggungjawaban], *Qawaid Al-Khiyarat* [kaedah-kaedah khiyar/ pemilihan] dan *Qawaid Al-Faskh* [kaedah-kaedah pembatalan/ faskah].<sup>51</sup> Menurut al-Maqarri; kedua-dua *QF* dan *NF* ada persamaan iaitu kedua-duanya mencakup berbagai masalah feqah dari [bab] feqah yang berbeza-beza. Namun perbezaannya pada kandungan iaitu *QF* mengandungi hukum feqah yang dapat diaplikasikan kepada seluruh cabangnya sebaliknya *NF* tidak mengandungi hukum feqah. Seperti *al-Nazhariyyat al-milki* [kaedah-kaedah pemilikan], *al-Nazhariyyat al-butlan* [kaedah-kaedah pembatalan], *al-Nazhariyyat al-fasakh* [kaedah-kaedah fasakh]. *QF* tidak meliputi syarat dan rukun sebaliknya *NF* perlu ada syarat dan rukun.<sup>52</sup> Ini menjadikan *QF* lebih sempit ruang berbanding *NF*. *NF* adalah teori umum tentang fiqh sedangkan *QF* adalah unsur yang wujud dalam teori umum.

Contoh teori umum tentang adat [Tradisi], wujudnya kajian/perbahasan tentang kaedah *al-'adah muhakkamah* [adat dapat dipertimbangkan sebagai hukum] dan juga kaedah *al-sabit bi al-ma'ruf ka al-sabit bi al-nas* [sesuatu yang di sabit/ditetapkan hukum dengan adat/makruf identic [adalah sama] dengan sesuatu yang telah sabit dengan nas].

### Hubungan *QF* dengan *al-qawâ'id al-ushuliyah* [*QU*]

Bahasa al-Quran dan Sunnah adalah bahasa Arab. Maka untuk mendapat kefahaman dan hukum yang benar perlu kepada meneliti bahasa arab dan cara pemahamannya. Oleh itu melalui kaedah linguistik para ulamak usul fiqh mampu mencipta kaedah-kaedah mengali hukum dengan kaedah yang dinamakan *Qawaid al-Ushuliyah* [*QU*]. Sebahagian ulama usul menyebut al-Qarafi adalah orang pertama yang membezakan *QU* dengan *QF*. Dalam kitab al-Qarafi al-Furuq menyatakan; '*QF tidak mencakup usul al-fiqh. Syariat mempunyai banyak qawaid [fiqhiyyah] yang difahami [kuasai] para mufti dan qadhi yang tidak terdapat dalam kitab usul al-fiqh.*'<sup>53</sup> Menurutnya lagi perbezaan *QU* dengan *QF* adalah seperti berikut, antaranya;

- Ruang lingkup *QU* adalah dalil dan hukum seperti kalimah *al-amr* [perintah] menunjukkan atas hukum wajib. Oleh itu tugas *QU* adalah mengeluarkan hukum dari dalil-dalil yang terperinci. Manakala *QF* adalah *Qadliyyah Kulliyah* atau *aksariyah* [majoriti] juz'i beberapa masalah feqah. Ruang lingkup *QF* perbuatan mukallaf.
- QU* merupakan *Qawaid Kulliyah* boleh diaplikasi pada seluruh juz dan ruang lingkungannya. Manakala *QF* adalah kaedah *aglabiyah* [kebanyakannya/terbanyak] yang dapat diaplikasikan pada sebahagian besar juz kerana *QF* ada pengecualian.

<sup>51</sup> Abu Zahra. 1990. *Usul al-Fiqh*. Mesir; Darul Fikr al-arabi. Hlm.10.

<sup>52</sup> *Op.cit. al-Maqarri. Al-Qawaid*. Hlm. 109.

<sup>53</sup> Al-Qarafi. 1990. *Al-Furuq*. Beirut; Darul Makrifat. Juz.1. hlm. 2-10.

iii. *QU* merupakan alat untuk mengeluarkan hukum syara' yang amali. *QF* adalah kumpulan dari hukum-hukum yang serupa kerana *illat* hukum serupa dan tujuannya untuk memudahkan mengetahuinya.

Ada kala kita temui masalah *QF* serupa dengan *QU*, kerana adakala di satu sudut ia menjadi *QU* disisi lain ia *QF*. Contoh ; *Sadd Zari'ah* sebagai dalil syara' kerana dinilai pada ruang lingkupnya maka ia disebut *QU*. Seperti kaedah “ *dalil yang menetapkan perkara yang haram menetapkan pula keharaman perkara yang dapat membawa kepada haram*” maka ia disebut *QU*. Namun jika dilihat pada sudut perbuatan mukallaf maka ia disebut *QF*. Seperti kaedah “ *setiap mubah yang membawa kepada haram maka hukumnya haram*” sebagai *sad az-zari'ah* maka ia disebut kaedah *fiqhiyyah*.

## Kesimpulan

Peranan kitab *Qawaid Fiqhiyyah* adalah sangat penting dalam menjelaskan kaedah hokum dalam isu-isu semasa, ini adalah kerana dasar-dasarnya yang berhubung rapat dengan hukum syara' yang bersifat mencakup [sebahagian besar bahagian-bahagiannya] dalam bentuk teks-teks perundang-undangan yang ringkas [singkat padat] yang mengandungi penetapan hukum-hukum yang umum pada isu-isu baharu yang dapat dimasukkan pada permasalahannya. Para ulama usul telah menjelaskan spesifikasi-spesifikasinya [*bayan al-khasha'ish*] dan penerapannya dalam setiap masa perubahan. Sebahagian *fuqaha* dan *usuliyyin* telah melebarkan kedudukan dan kehujjahan *QF* dalam menanggapi isu-isu semasa antaranya ;

- i. Menjadikan *QF* sebagai undang-undang.
- ii. Membagikan kaedah-kaedah feqah:
  - a. dari segi cakupan dan keluasannya,
  - b. dari segi kesepakatan dan perbezaan pendapat di kalangan ulama
- iii. Meletakkan sumber-sumber *Qf* dari al-Kitab, al-Sunnah, *atsar* sahabat dan tabi'in, dan ijtihad *fuqaha* pada *furu* dan *juz' iyyat*.

## Rujukan

Abd al-Rahman bin Abd al-Latif, *al-Qawa'id wa dhawabith al-Fiqhiyyah al-Mutadhamminah*

*li al-Taisir*, al-Jami'ah al-Islamiyyah.

Abdurrahman, Asjmun, Prof. Drs. H., *Qawaid Fiqhiyyah : Arti, Sejarah dan Beberapa Kaedah*

*Kulliyah*, Yogyakarta : Suara Muhammadiyah, 2003.

Ahmad bin Muhammad al-Zarqa', *Syarh al-Qawâ'id al-Fiqhiyyah*, Damaskus: Dar al-Qalam, 1989 M / 1409 H.

al-Bathliyusi, *al-Inshaf fi Tanbih 'ala al-Ma'ani wa al-Asbab allati awjabat al-Ikhtilaf bain al-Muslimin fi 'Ara'ihim*

Ali Ahmad al-Nadwi, *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Damaskus: Dar al-Qalam, 1994 M / 1414 H  
al-Suyûthi, *al-Asybah wa al-Nazhâ'ir*, Mesir ; Makatabah Dar -Fiqh.

Ade Rohayana, *Qawaid Fiqhiyyah Pengaruh terhadap Pendapat Fuqaha*. Jakarta; UIN Hidayatullah. 2008.

Dr. Jamaluddin 'athiyah, *al-Tanzhir al-Fiqhiy*. Beirut; Dar al-Fikr.

Dr. Thaha Jabir Fayadh al-'Ulwani, *Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam*. Beirut; Dar al-Fikr.

Ibnu Jazyi al-Gharnathi al-Kalbiy, *al-Qawânîn al-Fiqhiyyah*. Damaskus; Dar al-Qalam.

Ibnu Nujaim al-Mishri, *al-Asybah wa al-Nazhâ'ir*. Beirut; Dar al-Fikr.

Ibnu Rajab al-Hanbali, *al-Qawâ'id fi al-Fiqh al-Hanbaliy*. Mesir ; Makatabah Dar -Fiqh.

Mubarak, Jaih, *Kaedah Fiqh, Sejarah dan Kaedah Asasi*, Jakarta : PT Raja Grafindo Persada,

[2002].

- Muchlis Usman. *Kaedah Qawaid Usuliyyah dan Fiqhiyah Pedoman Dasar Dalam Istimbath Hukum Islam*, Jakarta. Raja Grafindo Persada. 1993.
- Muhammad al-Ruki, *Nazhariyyah al-Taq'îd al-Fiqhîy wa `atsaruhâ fî ikhtilâf al-Fuqahâ`*, Moroko: Penerbit *al-Najah al-Jadîdah-Dâr al-Baidla`*, 1994 M / 1414 H.
- Muhammad al-Rûki, *Qawâ'id al-Fiqh al-Maliki*
- Muhammad bin al-Hasan al-Fasi, *al-Fikr al-Sami fî Tarikh al-Fiqh al-Islâmiy*
- Muhammad Musyafâ Syalbiy, *al-Madkhal fî al-Ta`rîf bi al-Fiqh al-Islâmiy wa qawâ'id al-Milkiyyah wa al-'Uqûd Fîh*
- Mujib, Abdul, Drs. H., *Kaedah-Kaedah Ilmu Fiqih : Al-Qawaâidul Fiqhiyyah*, Jakarta : Kalam Mulia, 2004.
- Mushtafâ Ahmad al-Zarqâ`, *al-Madkhal al-Fiqhiy al-'am*
- Dwi Iswahyuni, *Kaedah-Qawaid Fiqhiyyah, Program Studi Timur Tengah dan Islam, Program Pascasarjana, UI, 2007.*
- Prof. DR Rachmat Syafe'I, MA. *Ilmu Usul Fiqih*, Bandung Pustaka Setia 1998
- Qadli Abd al-Wahab al-Baghdadi al-Maliki, *al-Isyraf 'alâ Masâ'il al-Khilâf*
- Thib al-Sanusi Ahmad, *Atsar al-istiqrâ` fî al-Qawâ'id al-Fiqhiyyah*, : Dar al-Tamiriyyah, 2003 M
- Usman, Muchlis, Drs. MA. H., *Kaedah-Qawaid Usuliyyah dan Fiqhiyah : Pedoman Dasar Dalam Istimbath Hukum Islam*, Jakarta : PT Raja Grafindo Persada, 2002.
- Ya'qub al-Bahisin, *al-Qawâ'id al-Fiqhiyyah ; al-mabâdî` wa al-Nazhâriyyât*, Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 1988 M.